

Headline	Lepas sasaran 1.7 peratus		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	13 May 2014	Circulation	825,000
Section	Setempat	Readership	2,475,000
Page No	20	ArticleSize	192 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 7,417
Journalist	Rosyahaida Abdullah	PR Value	RM 22,251
Frequency	Daily		



# Lepas sasaran 1.7 peratus

## ■ Malaysia catat prestasi tinggi bagi penyusutan kadar kemiskinan

Oleh Rosyahaida Abdullah

rosyahaida@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**L**aporan Kajian Isi Rumah Berpendapatan Rendah 2012 yang diterbitkan Bank Pembangunan Asia (ADB) memperlihatkan penyusutan kadar kemiskinan di Malaysia yang melebihi sasaran iaitu sebanyak 1.7 peratus.

Pencapaian ini pastinya membawa gembira apabila ia diperoleh lebih awal berbanding aspirasi pasukan Bidang Keberhasilan Utama Negara Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH) untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada dua peratus menjelang 2015.

Malah, Malaysia kini ber-

ada di hadapan berbanding negara jiran seperti Filipina yang berdepan 27.9 peratus dalam kadar kemiskinannya, Indonesia 12.5 peratus, Thailand 13.2 peratus dan Vietnam 12.6 peratus.

Di sebalik kejayaan ini, pelbagai inisiatif diatur antaranya bantuan tunai, program Akhiri Zaman Miskin (IAZAM) serta penjagaan kesihatan, pendidikan perumahan dan sebagainya. Di Sarawak misalnya, NKRA LIH bekerjasama dengan Yayasan MyKasih bagi menyampaikan bakul makanan kepada keluarga berpendapatan rendah. Contohnya program bakul ma-

kanan dilancarkan di Long San dan Lusong Laku untuk membantu memenuhi keperluan nutrisi asas masyarakat Penan di situ.

Di Sabah pula, Astro membina asrama untuk Sekolah Kebangsaan Malinsau di Ranau yang boleh menampung murid daripada 10 kampung.

Manakala, di Semenanjung, penubuhan Anjung Singgah menyediakan tempat perlindungan untuk golongan gelandangan.

Secara keseluruhan, 38,663 penyertaan diterima bagi program IAZAM dan ia tidak termasuk seramai 18,249 peserta sedia ada yang berjaya meningkatkan pendapatan RM300 bagi

mana-mana tiga bulan melalui program itu.

Bilangan badan bukan kerajaan (NGO) mahupun sektor korporat juga mencapai 34 berbanding sasaran sebanyak 25 pertubuhan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, Program Transformasi Kerajaan (GTP) kini berjalan lancar dan mendahului jadual sepatutnya.

“Namun, transformasi ini tidak akan berjaya jika rakyat kurang bernasib baik dibawaikan dan kita gagal memperbaiki kualiti hidup mereka,” katanya.



ROHANI